



## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **BERKAITAN PELAN PEMULIHAN NEGARA**

### **JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)**

### **BILANGAN 11**

(Dikemaskini pada 5 November 2021)

### **KANDUNGAN**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Tanggungjawab Am Majikan	3
2	Perkhidmatan MyKKP dan MySKUD	4
3	Pemeriksaan Pertama / Ulangan Kilang Dan Jentera	5
4	Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Penyakit Pekerjaan Dan Keracunan Pekerjaan	7
5	Orang Yang Kompeten	9
6	Firma Yang Kompeten	14
7	Pusat Pengajar	15
8	Penaksiran, Pemonitoran dan Pengujian	22
9	Keselamatan Petroleum Dan Pepasangan Bahaya Besar	26
10	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan	28
11	Tindakan Punitif	29

## GLOSARI

JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
JKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
MKN	Majlis Keselamatan Negara
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PKPD	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan
SiRAC	Simple Risk Assessment and Control
SOP	Prosedur Operasi Selamat
TLD	Perintah Kawalan Pergerakan “Total Lockdown”

## TANGGUNGJAWAB AM MAJIKAN

### 1. Apakah tanggungjawab majikan dan pekerja untuk memastikan Langkah langkah pencegahan COVID-19 di tempat kerja?

Pihak majikan dan pekerja hendaklah sentiasa mematuhi arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan COVID-19 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa. Selain itu, syarikat juga perlu mematuhi Prosedur Kerja Selamat Pencegahan COVID-19 di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh JKKP<sup>3</sup>.

Rujukan:

- 1) <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/>
- 2) <http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkp-pemulihan>
- 3) <https://www.dosh.gov.my/index.php/prosedur-kerja-selamat-pencegahan-covid-19-di-tempat-kerja-2020?own=0>

## PERKHIDMATAN MyKKP DAN MySKUD

### 2. Adakah perkhidmatan helpdesk MyKKP dan MySKUD beroperasi dalam tempoh PPN/ PKPD?

Perkhidmatan helpdesk MyKKP dan MySKUD beroperasi seperti biasa melalui telefon, e-mail dan laman web berikut:

Perkara	MyKKP	MySKUD
No. Telefon	03 8886 6496 03 8886 6497	03 8886 6459 (Pejabat) 017 7644 776 (Hotline)
E-mel	mykkp@mohr.gov.my	myskud.support@mohr.gov.my
Laman Web	<a href="http://mykkp.dosh.gov.my">http://mykkp.dosh.gov.my</a>	<a href="http://mykkp.dosh.gov.my">http://mykkp.dosh.gov.my</a>

## PEMERIKSAAN PERTAMA / ULANGAN KILANG DAN JENTERA

3. **Apakah status pemeriksaan pertama kilang atau jentera berperakuan yang tarikhnya jatuh dalam tempoh PPN/ PKPD?**

**Pemeriksaan pertama kilang dan jentera** perlu dilaksanakan untuk industri yang dibenar beroperasi dalam tempoh PPN/ PKPD. Kaedah pemeriksaan alternatif seperti yang dinyatakan di dalam **Pekeliling Ketua Pengarah Bil. 1/2021 Pemberitahuan Pelaksanaan Kaedah Alternatif Pemeriksaan Pertama dan Pemeriksaan Ulangan Bagi Kilang dan Jentera Berperakuan**, boleh digunakan bagi tujuan ini.

4. **Apakah status pemeriksaan ulangan kilang yang tarikhnya jatuh dalam tempoh PPN/ PKPD atau jentera berperakuan yang tarikh sah laku sijil perakuan kelayakannya (CF) tamat sepanjang tempoh PPN/ PKPD?**

Berdasarkan peruntukan Peraturan 15(1), Peraturan – Peraturan (Pemberitahuan, Sijil Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970, Jabatan telah membuat keputusan untuk menangguhkan pemeriksaan ulangan bagi:

- a) Kilang yang tarikh pemeriksaannya jatuh pada tarikh mula PPN/ PKPD iaitu 1 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021;
- b) Jentera berperakuan yang tarikh tamat sah laku Sijil Perakuan Kelayakan pada tarikh mula PPN/ PKPD iaitu 1 Jun 2021 sehingga 31 Disember 2021.

**PENANGGUHAN\*** diberikan sehingga **3 bulan daripada** tarikh pemeriksaan ulangan kilang ATAU tarikh tamat sah laku Perakuan Kelayakan jentera berkenaan.

Atau

Pengarah Bahagian/Negeri boleh membenarkan pemeriksaan berkanun seperti pemeriksaan ulangan jentera, boleh dijalankan atas sebab-sebab yang kritikal, tetapi masih tertakluk kepada arahan Majlis Keselamatan Negara.

\*Terma dan syarat penangguhan

Pemunya hendaklah memastikan jentera berperakuan berada dalam keadaan baik dan selamat dan Sijil Perakuan Kelayakan terbatal jika jentera dibaiki atau dibuka seperti dinyatakan dalam Seksyen 19(4) dan 19(5), Akta Kilang dan Jentera 1967.

Pemeriksaan ulangan kilang dan jentera berperakuan yang tamat tempoh pada atau selepas 1 Januari 2022 akan dijalankan oleh JKPP berdasarkan peruntukan Peraturan 14, Peraturan – Peraturan (Pemberitahuan, Sijil Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970.

## **KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, PENYAKIT PEKERJAAN DAN KERACUNAN PEKERJAAN**

### **5. Bagaimana cara penghantaran borang JKPP 6/ JKPP 7 bagi melaporkan kemalangan/penyakit pekerjaan semasa tempoh PPN/ PKPD?**

Notifikasi JKPP 6 perlu dihantar melalui sistem MyKPP sahaja, di pautan <http://mykkp.dosh.gov.my>

Notifikasi JKPP 7 perlu dihantar melalui sistem e-JKKP7, di pautan <http://ejkkp7.dosh.gov.my/ejkkp7>

### **6. Adakah COVID-19 merupakan penyakit pekerjaan yang perlu dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)?**

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan Dan Penyakit Pekerjaan) 2004 (NADOPOD), COVID-19 boleh dikategorikan sebagai penyakit pekerjaan sebagaimana dinyatakan dalam Item 7, Jadual 3.

Pekerjaan yang termasuk dalam Item 7, Jadual 3 adalah bekerja dengan aktiviti melibatkan pendedahan secara langsung kepada virus COVID-19. Contoh pekerjaan dalam kategori ini termasuklah: doktor, jururawat, pekerja makmal dan penyelidik. Selain itu, penyakit COVID-19 yang dihidap para petugas barisan hadapan (*frontliners*) boleh dikategorikan sebagai penyakit pekerjaan sewaktu pandemik ini, tertakluk kepada hasil siasatan pihak berkuasa kesihatan.

Sehubungan dengan itu majikan dan pengamal perubatan wajib melaporkan kepada JKKP kes penyakit COVID-19 yang berlaku di kalangan pekerja yang bekerja dengan aktiviti kerja yang melibatkan pendedahan secara langsung kepada

virus COVID-19. Pelaporan hendaklah dibuat secara atas talian menerusi pautan berikut: <http://ejkkp7.dosh.gov.my/ejkkp7>

7. **Pekerja A dan Pekerja B merupakan operator pengeluaran di sebuah kilang elektronik. Pekerja A telah dijangkiti COVID-19 berpunca daripada pendedahan di luar tempat kerja. Pekerja B pula telah mendapat jangkitan berpunca daripada pekerja A melalui interaksi di tempat kerja. Adakah kedua-dua kes ini merupakan penyakit pekerjaan?**

Kedua-dua kes tersebut bukan merupakan penyakit pekerjaan di bawah Peraturan NADOPOD kerana skop kerja mereka tidak melibatkan pendedahan secara langsung kepada virus penyebab COVID-19.

## ORANG YANG KOMPETEN (OYK)

### 8. Bagaimana kaedah pelaksanaan pembentangan laporan, temuduga atau verifikasi Orang Yang Kompeten (OYK) pada tempoh PPN/ PKPD?

Bagi kompetensi berikut:

- Pengapit CHRA
- Penaksir IAQ
- Juruteknik Higien 1
- Juruteknik Higien 2
- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)
- Penaksir Risiko Bising
- Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan (AGTES)
- Orang Kompeten Major Hazard (OKMH)
- Jurutera Stim/ Enjin Pembakaran Dalam

Bagi kawasan di bawah PPN Fasa 1, PPN Fasa 2, dan PKPD, kaedah pembentangan laporan, temuduga atau verifikasi adalah menggunakan kaedah alternatif yang sesuai seperti telesidang atau temubual menerusi telefon.

Manakala bagi kawasan di bawah PPN Fasa 3 dan PPN Fasa 4, kaedah pembentangan laporan, temuduga atau verifikasi secara bersemuka boleh dijalankan dengan mematuhi SOP ketat daripada MKN.

- 9. Saya berhasrat membuat permohonan pembaharuan sijil kompetensi saya sebagai OYK yang berdaftar dengan JKKP semasa tempoh PPN/ PKPD. Salah satu syarat pembaharuan perlu mengumpul mata 30 Program Pendidikan Berterusan (CEP) setiap tahun. Adakah sebarang kelonggaran diberikan terhadap syarat ini?**

Bagi tujuan pembaharuan kompetensi tertentu untuk memastikan OYK berkenaan sentiasa mempunyai pengetahuan yang selaras dengan perkembangan semasa KKP maka OYK disyaratkan untuk mengumpul mata CEP menerusi kaedah yang telah ditetapkan.

Memandangkan kemungkinan terdapat kesukaran untuk OYK mengumpul mata CEP dalam tempoh PPN/ PKP/ PKPD, maka jabatan membuat ketetapan mata CEP bagi mana-mana tahun pendaftaran yang melibatkan tempoh PPN/ PKP/ PKPD dikurangkan kepada 10 mata sahaja.

Kelonggaran ini hanya terpakai untuk OYK yang tempoh mula dan tamat sah sijilnya termasuk di dalam tempoh PPN/ PKP/ PKPD.

**Contoh A:**

Tempoh pendaftaran En. Arumugam adalah dari 1 Ogos 2017 hingga 31 Julai 2020. Jumlah mata CEP yang perlu dikutip ialah;

Tahun	Tempoh	Bil mata CEP perlu dikutip
1	1 Ogos 2017 – 31 Julai 2018	30
2	1 Ogos 2018 – 31 Julai 2019	30
3	1 Ogos 2019 – 31 Julai 2020	10*
Jumlah		70

\*Termasuk dalam tempoh PKP/ PKPD.

**Contoh B:**

Tempoh pendaftaran En. Bakar adalah dari 1 November 2018 hingga 31 Oktober 2021. Jumlah mata CEP yang perlu dikutip ialah;

Tahun	Tempoh	Bil mata CEP perlu dikutip
1	1 November 2018 – 31 Oktober 2019	30
2	1 November 2019 – 31 Oktober 2020	10*
3	1 November 2020 – 31 Oktober 2021	10*
Jumlah		50

\* Termasuk dalam tempoh PKP/ PKPD/ PPN.

**10. Adakah latihan secara dalam talian mendapat mata CEP dari JKKP?**

Ya, dengan syarat latihan secara dalam talian tersebut mendapat kelulusan daripada JKKP.

Bagi Kursus SOHELP, SiRAC dan CLASS dalam talian, syarat tersebut boleh dirujuk kepada maklumat di laman sesawang JKKP melalui pautan di bawah;

<https://www.dosh.gov.my/index.php/certification/approval/list-of-competent-training-centre>

**11. Bagaimana cara untuk mendapat kelulusan JKKP bagi melaksanakan latihan secara dalam talian yang bertujuan mendapatkan mata CEP?**

Permohonan kelulusan program Pendidikan berterusan atau lebih dikenali dengan *Continuous Education Progamme Points* (CEP) hanya boleh dibuat melalui platform MySKUD. MySKUD hanya boleh diakses melalui MyKKP. Pemohon perlu mempunyai akaun MyKKP untuk mengakses MySKUD. Panduan permohonan boleh dirujuk melalui:

<https://www.dosh.gov.my/index.php/certification/information/continuous-education-programme-cep>

- 12. Tempat kerja saya tidak beroperasi sepanjang tempoh PPN/ PKPD menyebabkan saya tidak mempunyai bukti-bukti menjalankan tugas yang boleh disertakan bersama pemohonan pembaharuan SHO saya. Apa yang perlu saya lakukan?**

Pemohon boleh menyertakan bukti menjalankan tugas sebagai SHO bagi 3 bulan terkini sebelum tempoh **PPN/ PKPD**.

- 13. Adakah Orang Yang Kompeten (OYK) Operator Kren yang tidak mempunyai majikan boleh memperbaharui sijil kompetensi Operator Kren?**

Ya, boleh. Permohonan hendaklah dibuat melalui Modul Operator Kren di dalam sistem MyKKP, dengan mengemukakan Surat Akuan Tidak Bekerja.

- 14. Sijil kompetensi saya sebagai AGTES tamat semasa tempoh PKP/ PKPD/ PPN. Bagaimana saya boleh memperbaharui sijil tersebut?**

AGTES yang tamat tempoh sah laku sijil kompetensinya semasa tempoh PKP/ PKPD/ PPN bermula 1 Januari 2021 adalah dianggap dilanjutkan secara automatik sehingga 31 Disember 2021.

Pada masa yang sama, AGTES dikehendaki untuk hadir kursus ulangkaji AGTES jika sijil kelayakan kursus telah tamat tempoh dan mengemukakan permohonan pembaharuan pendaftaran melalui sistem MyKKP.

**15. Adakah AGTES yang tamat tempoh sah laku sijil kompetensinya semasa tempoh PKP/ PKPD/ PPN boleh meneruskan kerjanya?**

AGTES yang tamat tempoh sah sijilnya semasa tempoh PKP/ PKPD/ PPN bermula 1 Januari 2021 dibenarkan meneruskan aktiviti kerja sehingga 31 Disember 2021.

Walaubagaimanapun, AGTES perlu memaklumkan kepada pihak JKKP untuk tujuan rekod. Pemakluman kepada JKKP hendaklah dibuat melalui Google Form yang boleh dicapai menerusi pautan <https://forms.gle/fgd6hxQXKE6gvoEE6>

**16. Adakah AGTES yang telah tamat tempoh pendaftaran sebelum tempoh PKP/ PKPD/ PPN dibenarkan menjalankan kerja?**

Tidak dibenarkan kecuali AGTES yang tamat tempoh sijil kompetensinya semasa tempoh PKP/ PKPD/ PPN bermula 1 Januari 2021 diberikan lanjutan secara automatik ini sehingga 31 Disember 2021.

**17. Kursus ulangkaji AGTES tidak dapat dihadiri atau dibatalkan kerana PKP/ PKPD/ PPN. Adakah pembaharuan OYK AGTES boleh dibuat tanpa sijil kursus ulangkaji?**

Tidak boleh. AGTES perlu mendapatkan sijil kursus ulangkaji AGTES terlebih dahulu sebelum membuat permohonan pembaharuan.

**18. Kad Perakuan AESP saya tamat semasa tempoh PKP/ PKPD/ PPN dan saya belum menghadiri kursus ulangkaji AESP.**

Kad Perakuan AESP yang tamat tempoh sah semasa tempoh PKP/ PKPD/ PPN bermula 1 Januari 2021 adalah dianggap dilanjutkan secara automatik sehingga 31 Disember 2021.

Walau bagaimanapun, majikan bertanggungjawab memastikan pematuhan program masuk ruang terkurung yang ditetapkan di bawah Tataamalan Industri Bekerja Selamat di Dalam Ruang Terkurung 2010 dipatuhi sepenuhnya sebelum memberi kebenaran kepada AESP menjalankan kerja. Selain itu, majikan perlu memastikan AESP hadir kursus ulangkaji sebelum tamat tempoh pelanjutan automatik 31 Disember 2021.

**19. Adakah temuduga Drebar Enjin Stim/Pembakaran Dalam di pejabat Negeri dijalankan dalam tempoh PPN/ PKPD?**

Temuduga Drebar Enjin Stim/ Pembakaran Dalam di pejabat Negeri akan dibuat berdasarkan SOP fasa PPN yang membenarkan temuduga bersemuka atau temuduga atas talian berdasarkan pertimbangan Pengarah JKKP Negeri.

## FIRMA YANG KOMPETEN

- 20. Bagaimanakah cara Firma Yang Kompeten (FYK) yang ingin membuat permohonan pengiktirafan FYK dalam tempoh PPN/ PKPD?**

Permohonan lengkap hendaklah dibuat melalui sistem MySKUD di pautan <http://mykkp.dosh.gov.my>

## PUSAT PENGAJAR

### 21. Adakah kursus kompetensi secara dalam talian boleh dilaksanakan?

Ya, dengan syarat kursus kompetensi secara dalam talian tersebut mendapat kelulusan daripada JKKP dan dikendalikan oleh pusat pengajar yang diberi kebenaran oleh JKKP bagi melaksanakan kursus berkenaan.

### 22. Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pusat pengajar untuk menjalankan kursus kompetensi secara dalam talian?

Syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pusat pengajar untuk menjalankan kursus kompetensi secara dalam talian adalah seperti berikut:

- i. Jenis pembelajaran adalah gabungan *online live* learning dan sesi praktikal / lawatan tapak serta penilaian;
- ii. Modul dan bahan pembelajaran adalah sepertimana yang telah diluluskan sebelum ini;
- iii. Tempoh masa kursus dijalankan adalah 6 jam maksimum sehari (*online live*);
- iv. Jumlah keseluruhan masa kursus hendaklah mematuhi bilangan jam yang diperuntukkan (*learning contact hours*) sepertimana yang telah diluluskan sebelum ini;
- v. Jumlah maksimum peserta kursus adalah 20 orang;
- vi. Penilaian secara waktu sebenar (*real time assessment*) hendaklah dilaksanakan selepas tamat setiap topik pada hari yang sama. Penilaian hendaklah juga dijalankan selepas tamat setiap modul. Contoh penilaian adalah tetapi tidak terhad kepada kuiz, pembentangan berkumpulan, pembentangan individu dan kerja kursus;
- vii. Latihan praktikal di lapangan dan lawatan tapak hendaklah dijalankan mengikut modul yang diluluskan dan mengikut SOP COVID-19 yang ditetapkan;

- viii. Tenaga pengajar yang dibenarkan adalah tenaga pengajar yang telah diluluskan sebelum ini;
- ix. Mematuhi jadual pembelajaran kursus setiap hari;
- x. Memberitahu JKKP dua (2) minggu sebelum kursus dijalankan;
- xi. Menjalankan, merekod dan menganalisis penilaian keberkesanannya kursus selepas tamat kursus; dan
- xii. Mematuhi kriteria pemberian sijil peserta seperti berikut:
  - a) Sekurang-kurangnya 85% kehadiran atas talian secara langsung (*online live*);
  - b) Memperoleh sekurang-kurangnya 85% jumlah markah penilaian secara waktu sebenar (*real time assessment*) yang dinyatakan pada para vi;
  - c) Sijil hendaklah menyatakan bahawa kursus dijalankan secara dalam talian; dan
  - d) Lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh pusat pengajar.

**23. Apakah dokumen-dokumen yang perlu dihantar untuk memohon kelulusan JKKP bagi melaksanakan kursus kompetensi secara dalam talian?**

Pemohon hendaklah membuat permohonan untuk menjalankan kursus kompetensi secara dalam talian kepada JKKP dengan mengemukakan maklumat seperti berikut:

- i. Salinan surat kelulusan sebagai pusat pengajar yang diiktiraf oleh JKKP bagi menjalankan kursus berkaitan;
- ii. Prosedur bertulis berserta carta alir menjalankan kursus atas talian;
- iii. Video demonstrasi kursus;
- iv. Jenis platform dalam talian yang digunakan (Perincian mengenai kesesuaian jenis kursus dengan pemilihan platform perlulah dinyatakan)
- v. Prosedur kawalan kehadiran peserta kursus;
- vi. Prosedur kawalan data peribadi peserta;

- vii. Kaedah penilaian, ujian atau kertas tugasan (mana yang berkenaan) meliputi contoh soalan kuiz, tajuk pembentangan berkumpulan, pembentangan individu, kerja kursus dan lain-lain);
- viii. Perincian jenis pembelajaran yang diubahsuai bagi setiap kursus termasuk:
  - a) Jadual pembelajaran kursus setiap hari;
  - b) Bilangan jam yang diperuntukkan (*learning contact hours*);
  - c) Jumlah keseluruhan masa kursus; dan
  - d) Senarai tenaga pengajar;
- ix. SOP latihan praktikal di lapangan dan lawatan tapak mengikut SOP COVID-19 yang ditetapkan;
- x. Prosedur pemberian sijil peserta merangkumi:
  - a) Contoh sijil;
  - b) Ciri-ciri keselamatan pada sijil (termasuk kod QR, watermark, nombor siri dan lain-lain); dan
  - c) Prosedur penyimpanan rekod kebolehkesanan (traceability).

**24. Bagaimana untuk menghantar permohonan kursus kompetensi secara dalam talian?**

Permohonan kursus kompetensi secara dalam talian boleh dihantar melalui emel berikut:

Bil	Kompetensi	Bahagian Bertanggungjawab
1.	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)	Encik Ahmad Nazri Bin Abd Kader Pengarah Bahagian Keselamatan Industri Tel: 03-8871 1318 Emel: ahmadnazri_k@mohr.gov.my
2.	Pengapit	Ts. Hazlina binti Yon
3.	Juruteknik Higien I	Pengarah Bahagian Pengurusan Kimia
4.	Penaksir Kualiti Udara Dalaman	Tel: 03-8886 5088 Emel: hazlina@mohr.gov.my
5.	Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS)	Ts. Nazruddin bin Mat Ali Pengarah Bahagian Keselamatan Tapak Bina
6.	Operator Kren	Tel: 03-8886 6451
7.	Pengendali Perancah	Emel: nazruddin@mohr.gov.my
8.	Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD)	Dr. Ahmad Fitri b. Abdullah Hair Pengarah Bahagian Kesihatan Pekerjaan Tel: 03-8886 5370 Emel: ahmadfitri@mohr.gov.my
9.	Penaksir Risiko Bising	Puan Hajah Habibah binti Supoh
10.	Juruteknik Higien II	Pengarah Bahagian Higien Industri dan Ergonomik
11.	Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan (AGTES)	Tel: 03-8886 5616 Emel: habibah@mohr.gov.my

**25. Adakah kursus *Ergonomic Trained Person (ETP)*, *SiRAC Trained Person* dan *Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C)* boleh dilaksanakan secara dalam talian?**

Ya, dengan syarat kursus tersebut mendapat kelulusan daripada JKKP dan dikendalikan oleh pusat pengajar yang diberi kebenaran oleh JKKP bagi melaksanakan kursus berkenaan.

**26. Bagaimana cara untuk pusat pengajar mendapat kelulusan JKKP bagi melaksanakan kursus *Ergonomic Trained Person (ETP)*, *SiRAC Trained Person* dan *Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C)* secara dalam talian?**

Pengurusan pusat pengajar perlu mengemukakan surat permohonan menjalankan Ergonomic Trained Person (ETP), SiRAC Trained Person dan Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C) kepada Ketua Pengarah JKKP melalui emel dengan menyertakan maklumat berikut:

- i. Salinan surat kelulusan sebagai pusat pengajar yang diiktiraf oleh JKKP bagi menjalankan kursus ETP, SiRAC atau OSH-C;
- ii. Prosedur bertulis berserta carta alir menjalankan latihan online;
- iii. Video demo latihan;
- iv. Jenis platform dalam talian yang digunakan;
- v. Prosedur kawalan kehadiran peserta latihan;
- vi. Prosedur kawalan data peribadi peserta;
- vii. Kaedah penilaian, ujian atau kertas tugas (mana yang berkenaan); dan.
- viii. Kriteria pemberian sijil kepada peserta.

**27. Adakah Pusat Pengajar (CHRA/HT1/IAQ/AESP/AGTES) boleh menjalankan latihan sepanjang tempoh PPN/ PKPD?**

Kebenaran menjalankan latihan (CHRA/HT1/IAQ/AESP/AGTES) secara bersemuka sepanjang tempoh PPN/ PKPD adalah tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Pusat Pengajar (CHRA/HT1/IAQ/AESP/AGTES) yang telah mendapat kelulusan MKN untuk pelaksanaan latihan secara bersemuka atau menerusi kaedah *camp-based training* dibenarkan menjalankan latihan dan hendaklah mematuhi segala SOP yang telah dikeluarkan oleh MKN serta mengambil langkah kawalan yang sewajarnya bagi mengelak risiko serta pendedahan kepada jangkitan COVID-19.

Selain itu, Pusat Pengajar bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) bagi semua individu yang terlibat termasuk kakitangan, tenaga pengajar dan peserta.

**28. Kelulusan Pusat Pengajar (CHRA/HT1/IAQ/AESP/AGTES) yang dikendalikan oleh syarikat saya tamat semasa tempoh PPN/ PKPD. Apa yang perlu saya lakukan?**

Pusat Pengajar (CHRA/HT1/IAQ/AESP/ AGTES) boleh mengemukakan dokumen permohonan pembaharuan secara pos dan emel kepada Bahagian Pengurusan Kimia, JKKP bagi CHRA/HT1/IAQ atau Bahagian Higien Industri dan Ergonomik (BHIE), JKKP bagi AESP/AGTES.

**29. Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pusat pengajar untuk menjalankan kursus SIRAC, SOHELP dan CLASS secara dalam talian?**

Sila rujuk panduan permohonan kursus dalam talian pada pautan berikut:

1) SiRAC

<https://www.dosh.gov.my/index.php/competent-person-form/occupational-health/training-center/3639-panduan-dan-borang-pengiktirafan-pusat-pengajar-sirac/file>

2) SOHELP

<https://www.dosh.gov.my/index.php/list-of-documents/training-center/3656-panduan-permohonan-pengiktirafan-pusat-pengajar-sohelp/file>

3) CLASS

<https://www.dosh.gov.my/index.php/factory-machinery/pusat-pengajar/2331-panduan-permohonan-dan-borang-borang-untuk-pengiktirafan-pusat-pengajar-peraturan-class-2013/file>

Nota:

Kursus SiRAC/SOHELP/CLASS boleh dijalankan secara bersemuka dalam tempoh PPN Fasa 3 dan 4 dengan mematuhi sepenuhnya SOP yang dikeluarkan oleh MKN.

## PENAKSIRAN, PEMONITORAN DAN PENGUJIAN

- 30. Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan (CHRA)/ Penaksiran Risiko Bising (NRA)/ Permonitoran Pendedahan kepada Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (CEM)/ Pemeriksaan dan Pengujian LEV/ Penaksiran untuk penyediaan Laporan Aktiviti Industri (LAI) dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) tidak dapat dijalankan mengikut masa yang sepatutnya, kerana penutupan premis berikut PPn/ PKPD?**

Bagi tempat kerja yang tidak beroperasi sepanjang tempoh PPn/ PKPD, CHRA / NRA / CEM / Pemeriksaan dan Pengujian LEV perlu dilaksanakan sebaik sahaja tempat kerja beroperasi semula.

Manakala bagi tempat kerja yang beroperasi pada tempoh PPn/ PKPD, CHRA / NRA / CEM / Pemeriksaan dan Pengujian LEV hendaklah dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan dalam perundangan berkaitan, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Untuk tempat kerja yang dikategorikan sebagai Pepasangan Bahaya Besar (MHI) di bawah Peraturan CIMAH 1996, yang tidak beroperasi sepanjang tempoh PPn/ PKPD, Penaksiran untuk penyediaan Laporan Aktiviti Industri (LAI) dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) perlu dilaksanakan sebaik sahaja tempat kerja beroperasi semula.

Manakala bagi Pepasangan Bahaya Besar (MHI) yang beroperasi pada tempoh PPn/ PKPD, Penaksiran untuk penyediaan Laporan Aktiviti Industri (LAI) dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) hendaklah dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan dalam perundangan berkaitan, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Jika ianya tidak dapat dilaksanakan, majikan hendaklah mengemukakan sebab atau justifikasi secara bertulis kepada Ketua Pengarah JKKP berkaitan aktiviti penaksiran, permonitoran, pemeriksaan dan pengujian tersebut dan disalinkan secara bertulis kepada Pengarah JKKP negeri dengan menyertakan pelan tindakan susulan apabila tempat kerja beroperasi semula.

- 31. Adakah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menjalankan pemeriksaan/verifikasi peralatan ke atas pendaftaran baharu pusat ujian audiometrik (PUA) dalam tempoh PPN/ PKPD?**

Tidak. Walau bagaimanapun kelulusan bersyarat akan diberikan dengan mengemukakan permohonan dalam talian melalui sistem MySKUD, sistem masuk tunggal di menu MyKKP> Perkhidmatan MySKUD.

- 32. Adakah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menjalankan pemeriksaan/verifikasi peralatan ke atas pusat ujian audiometrik (PUA) yang menukar peralatan audiometrik dalam tempoh PPN/ PKPD?**

Tidak. Walau bagaimanapun kelulusan bersyarat akan diberikan dengan mengemukakan permohonan dalam talian melalui sistem MySKUD, sistem masuk tunggal di menu MyKKP> Perkhidmatan MySKUD.

- 33. Adakah pengujian audiometrik boleh dilaksanakan semasa tempoh PPN/ PKPD?**

Pengujian audiometrik yang bersifat rutin bagi penentuan tahap pendengaran untuk memenuhi kehendak perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah dinasihatkan untuk ditangguhkan di dalam tempoh PPN/ PKPD bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19 melainkan jika terdapat keperluan klinikal.

Walau bagaimanapun, jika ianya dilaksanakan dalam tempoh ini, perlu mengikut SOP berkenaan yang ditetapkan oleh MKN. Pusat ujian audiometrik juga perlu mendapat kelulusan beroperasi daripada MITI. Selain itu, pusat ujian audiometrik perlu juga memastikan sistem pengalihudaraan berfungsi dengan baik sama ada di dalam bilik senyap atau pun persekitaran luar bilik senyap.

**34. Adakah ujian spirometri masih perlu dijalankan ketika pandemik COVID-19 bagi memenuhi keperluan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan misalnya bagi pemeriksaan kelayakan kesihatan bekerja di ruang terkurung?**

Ujian spirometri yang bersifat rutin bagi penentuan tahap kesihatan untuk memenuhi kehendak perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah dinasihatkan untuk ditangguhkan sehingga suatu tempoh yang akan dimaklumkan kelak bagi mengurangkan risiko penularan penyakit tersebut melainkan jika terdapat keperluan klinikal.

Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) boleh menggunakan maklumat daripada pemeriksaan fizikal bahagian dada dan ujian lain yang boleh membantu dalam membuat keputusan tahap kesihatan pekerja untuk melakukan kerja berkenaan.

**35. Adakah majikan atau syarikat perlu menggunakan alat pengukuran suhu (*thermometer*) yang berdaftar dengan Medical Device Authority untuk pengambilan suhu harian di tempat kerja?**

Majikan atau pihak syarikat disarankan untuk membeli atau menggunakan alat pengimbas suhu badan (*thermometer*) yang telah didaftarkan dengan pihak Medical Device Authority/ Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), selaras dengan keperluan pendaftaran peranti perubatan tersebut bawah Akta Peranti Perubatan 2012 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Walau bagaimanapun, pihak MDA telah memberi pengecualian pendaftaran terhadap pendaftaran peranti perubatan termasuk pengimbas suhu badan bagi pengesanan dan rawatan penyakit COVID 19 untuk kuantiti dan tempoh yang terhad.

Oleh itu, majikan masih perlu memastikan pengimbas suhu badan yang ingin digunakan memenuhi keperluan pengecualian pendaftaran MDA tersebut bagi memastikan alat yang digunakan selamat dan dapat melakukan pengukuran suhu yang lebih tepat sesuai dengan tujuan penggunaannya.

Untuk keterangan lanjut sila layari pautan berikut:

- i. Pengumuman Rasmi MDA Berkennaan Pengimbas Suhu Infrared Tanpa Sentuh (*Non-Contact Infrared Thermometers*)  
<https://www.mda.gov.my/announcement/558-kenyataan-akhbar-pengimbas-suhu-infrared-tanpa-sentuh-non-contact-infrared-thermometers.html>
- ii. Semakan bagi peralatan perubatan yang berdaftar dengan MDA  
<https://mmdr.mda.gov.my/public/index.php>

## KESELAMATAN PETROLEUM DAN PEPASANGAN BAHAYA BESAR

**36. Adakah pemberian maklumat kepada umum (*Information to Public, ITP*) bagi Pepasangan Bahaya Besar (MHI) boleh dilaksanakan semasa tempoh PPN/ PKPD?**

Ya, boleh dengan menggunakan medium yang bersesuaian selain daripada perjumpaan secara fizikal dan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN. Medium penyebaran maklumat boleh dilakukan dengan cara seperti berikut:

- i. Media cetak;
- ii. Media sosial; atau
- iii. Perjumpaan secara maya.

**37. Adakah latihan kecemasan (*Emergency Drill Exercise*) bagi Pepasangan Bahaya Besar (MHI) boleh dilaksanakan semasa tempoh PPN/ PKPD?**

Bagi tempat kerja yang tidak beroperasi sepanjang PPN/ PKPD, latihan kecemasan (*emergency drill exercise*) perlu dilaksanakan sebaik sahaja tempoh PPN/ PKPD berakhir dan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh MKN.

Manakala bagi tempat kerja yang beroperasi pada tempoh PPN, latihan kecemasan (*emergency drill exercise*) tersebut hendaklah dilaksanakan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Jika ia tidak dapat dilaksanakan, majikan hendaklah mengemukakan sebab atau justifikasi secara bertulis kepada Ketua Pengarah JKKP dan disalinkan secara bertulis kepada Pengarah JKKP Negeri dengan menyatakan pelan tindakan susulan.

Justifikasi penangguhan hendaklah mengambil kira pertimbangan persediaan dan kesiapsiagaan pihak pepasangan dari segi:

- i. Tiada potensi berlaku bahaya kemalangan besar semasa tempoh PPN/ PKPD;
- ii. Kesiapsiagaan warga kerja pihak pepasangan tersebut dalam menghadapi kejadian atau kemalangan bahaya besar sepanjang tempoh PPN/ PKPD;
- iii. Langkah pencegahan atau pengurangan yang telah dikenal pasti dapat berfungsi dengan baik dan berkesan sekiranya berlaku kejadian kemalangan di pepasangan tersebut dalam tempoh PPN/ PKPD;
- iv. Tahap kesiapsiagaan pihak pepasangan bagi menangani kejadian bahaya kemalangan besar dalam industri; dan
- v. Tahap kesiapsiagaan pihak pepasangan dengan pihak agensi serta pihak-pihak yang mungkin terkesan dalam menghadapi bencana dalam industri akibat kemalangan bahaya besar tersebut.

**38. Semasa tempoh PPN/ PKPD, adakah pihak industri dibenarkan untuk mengadakan aktiviti pemeriksaan dan mengadakan ujian pneumatik atau hidrostatik ke atas talian paip dan sistem retikulasi bahan petroleum kepada mana-mana pemasangan yang telah mendapat kelulusan jabatan?**

Semasa tempoh PPN/ PKPD, pihak industri boleh menjalankan ujian hidrostatik/numatik tersebut sekiranya industri tersebut tergolong di dalam ‘essential services’ yang telah mendapat kebenaran beroperasi daripada pihak MITI.

Pihak industri juga perlu menghubungi Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum, JKJP Ibu Pejabat atau Pengarah Negeri bagi mendapatkan kebenaran secara bertulis melalui media yang bersesuaian (contoh: e-mel) bagi mengadakan aktiviti pemeriksaan dan menjalankan ujian pneumatik atau hidrostatik ke atas talian paip dan sistem retikulasi bahan petroleum.

## JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK)

### 39. Bolehkah Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) ditangguhkan dalam tempoh PPN/ PKPD?

Mesyuarat JKK hendaklah dilaksanakan sekali dalam tempoh 3 bulan, dan diminitkan setiap satu.

Sekiranya mesyuarat JKK tidak boleh diadakan secara fizikal, ianya perlu dilaksanakan menggunakan kaedah alternatif seperti telesidang.

## TINDAKAN PUNITIF

- 40. Notis Larangan (NOP)/ Notis Perbaikan (NOI) saya tamat tempoh dalam tempoh PPN/ PKPD. Bagaimana saya boleh batalkan notis tersebut?**

Bukti perbaikan boleh dikemukakan oleh majikan melalui e-mel. Pegawai akan menilai tahap pemberian yang dilakukan dan jika beliau berpuashati, pegawai akan memberi maklumbalas secara bertulis (dengan membualas e-mel majikan). Lawatan fizikal ke premis bagi tujuan pembatalan notis akan dilakukan jika terdapat keperluan.

- 41. Bagaimana saya boleh membuat pembayaran kompaun?**

Pembayaran kompaun boleh dibuat melalui kiriman bank draft/wang pos. Tempoh pembayaran kompaun adalah seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran kompaun. Jika gagal dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan pendakwaan akan dimulakan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

**Kementerian Sumber Manusia**

**5 November 2021**